

SEMINAR PSIKOMETRIK DALAM PENGAJIAN ISLAM



25 September 2024 (Rabu)



8.00 am- 2.00 pm



Bilik Mesyuarat Bitara,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Psikometrik meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pendidikan, kewangan Islam, zakat, dan wakaf. Melalui ukuran atribut psikologi seperti kognisi, emosi dan tingkah laku, psikometrik membantu dalam pembuatan keputusan yang lebih berkesan dan adil. Psikometrik menyediakan data tepat bagi governan Islam mengenai keperluan komuniti dan membolehkan penggubal dasar merancang polisi yang inklusif. Psikometrik juga membantu dalam pendidikan sumber manusia dan pengagihan sumber ekonomi mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat. Solusi psikometrik meningkatkan keberkesanan dasar, memastikan pengagihan sumber yang adil dan mempromosikan kesejahteraan sosial selaras dengan prinsip keadilan dan rahmah dalam ajaran Islam.

Sasaran Peserta: Pegawai dan penyelidik agensi agama dalam bidang-bidang pengurusan, kewangan dan pendidikan

Maklumat Pendaftaran:

Yuran Peserta: RM 130 seorang / RM 300 per 3 orang

Cara Pembayaran: *online transfer*
No. Akaun: 8002234307
Nama Akaun: UKM
Nama Bank: CIMB
(Rujukan: fpi8 seminar psikometrik)

Hubungi Kami:

SEKRETARIAT
SEMINAR ANTARABANGSA PSIKOMETRIK
DALAM PENGAJIAN ISLAM
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA



+6013 642 0848 (Cik Ammalina)



ammalina@ukm.edu.my

Daftar sebelum 9 September 2024
Tempat terhad dan sijil disediakan

<https://forms.gle/zHiir9pzLS6hSQKv8>





Dr. Haniza Yon merupakan Presiden dan pengasas kepada Persatuan Psikometrik Malaysia (MPA), dan kini sedang menjalani penggal ketujuh sebagai presiden. Beliau merupakan seorang saintis sosial yang mempunyai minat mendalam dalam bidang psikometrik, serta seorang pendukung tegar keadilan dan piawaian tinggi dalam ujian. Dr. Haniza memperoleh PhD dalam bidang pengukuran dan kaedah kuantitatif dari Michigan State University, Amerika Syarikat.

Dengan pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam bidang psikometrik, Dr. Haniza telah berkhidmat sebagai pakar psikometrik di Educational Testing Service (ETS) di Princeton, New Jersey, Amerika Syarikat, dan sebagai Pengarah Makmal Psikometrik di MIMOS Berhad, Malaysia. Teknologi psikometrik yang berdasarkan harta intelek yang dihasilkannya digunakan secara meluas oleh pelbagai organisasi kerajaan dan swasta dalam pelbagai industri, baik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Fokus utama penyelidikan beliau ialah pada penerapan teknologi psikometrik dan penilaian digital dalam mengukur potensi serta keupayaan manusia.



Prof. Dr. Bahrul Hayat, Ph.D., merupakan Timbalan Rektor bagi Hal Ehwal Akademik, Pelajar, dan Sumber Manusia di Universiti Islam Antarabangsa Indonesia (UIII). Beliau memperoleh Ph.D. dari University of Chicago, dengan pengkhususan dalam bidang psikometrik dan analisis statistik. Ijazah Sarjana beliau diperoleh dari University of Pittsburgh, manakala ijazah pertamanya diperoleh dari Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) Bandung, yang kini dikenali sebagai Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung. Beliau mengajar teori psikometrik klasik dan moden, pembinaan instrumen psikologi, serta metodologi penyelidikan psikologi.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Agung Kementerian Agama, dan telah memegang pelbagai jawatan dalam Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, termasuk sebagai Pengarah Pusat Penilaian Pendidikan, Setiausaha Direktorat Jenderal Guru dan Tenaga Kependidikan, serta Setiausaha Badan Akreditasi Sekolah Nasional. Kini, beliau berperanan sebagai Penasihat Pendidikan untuk Program Inovasi bagi Kanak-Kanak Sekolah Indonesia (INOVASI), sebuah kerjasama antara kerajaan Australia dan Indonesia, serta sebagai Penasihat Pendidikan Islam untuk program Pathways anjuran DFAT di Filipina (Education Pathways for Peace in Mindanao). Dalam peranan ini, beliau menasihati kerajaan autonomi baharu Bangsamoro dalam hal pengawalan sektor pendidikan.



Dr. Kaseh Abu Bakar, Professor Madya di Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Timbalan Presiden I Persatuan Psikometrik Malaysia. Beliau berkelulusan B.A (Hons.) Bahasa & Kesusasteraan Arab pengkhususan Linguistik (Mohamed V, Maghribi), Diploma in Education TASL/Islamic Education (IIUM), MEd. in Foreign Language Education (Pittsburgh), Specialist Certificate in Language Testing & Assessment (RELC), PhD in Education (IIUM).

Beliau adalah pengarang bersama buku teks interaktif digital Bahasa Arab Standard Moden berpengkal di Leipzig, Jerman. Beliau terlibat dalam semakan Kit Latihan Penilai untuk kemahiran lisan Bahasa Arab, Centre for Applied Linguistics, Washington DC. Beliau juga memimpin beberapa projek reka bentuk dan pembangunan ujian berkomputer kecekapan bahasa Arab berasaskan Common European Framework for Languages (CEFR). Sejak 2006, beliau aktif memberi latihan dan konsultasi dalam pentaksiran pendidikan, penggubalan item, *Rasch Model*, *cross-cultural assessment* dan CEFR kepada pelbagai kumpulan penyelidikan, agensi kerajaan dan institusi pendidikan

ATURCARA

Masa	Perkara
8.00 pagi	Pendaftaran dan sarapan
9.00 pagi	Ucapan Pengerusi Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
9.15 pagi	Ucaptama 1 Tajuk: Psikometrik dan Islam Penyampai: <i>Prof. Madya Dr Kaseh Abu Bakar</i> <i>Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam</i> <i>Fakulti Pengajian Islam, UKM</i>
10.00 pagi	Ucaptama 2 Tajuk: Psikometrik dalam Pembangunan Masyarakat Islam: Pengalaman Indonesia Penyampai: <i>Prof. Dr. Bahrul Hayat</i> <i>Wakil Rektor Bidang Akademik, Kemahasiswaan dan Sumber Daya Manusia, Universitas Islam Internasional Indonesia</i>
10:45 pagi	Ucaptama 3 Tajuk: Penggunaan Psikometrik dalam Peningkatan Kualiti Kajian dan Tadbir Urus Organisasi Islam Penyampai: <i>Dr. Haniza Yon</i> <i>Presiden Persatuan Psikometrik Malaysia (MPA)</i>
11.30 pagi	Sesi Soal Jawab dan Perbincangan
12.15 t/hari	Majlis penutup Ucapan Aluan Dekan Fakulti Pengajian Islam
12.30 t/hari	Perasmian Penutup <i>Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani</i> <i>Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi,</i>
1.00 petang	Makan tengah hari peserta
2.00 petang	Bersurai



ANJURAN:

